

PENYATA KORPORAT



Segala puji-pujian hanya kepada Allah SWT, selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat baginda. Alhamdulillah, terlebih dahulu pihak kami ingin merafa'kan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT di atas limpah rahmat dan kurnia-Nya, AWQAF Holdings Berhad sebagai sebuah institusi Waqaf Korporat terus diberi kekuatan untuk berkhidmat bakti mencurah tenaga dan masa meneruskan tugas yang diamanahkan.

Walaupun berdepan cabaran yang tidak menentu sepanjang tahun 2021, impak pandemik COVID-19 telah mencetuskan perubahan kepada hampir seluruh landskap sektor ekonomi dan industri di Malaysia mahupun seluruh dunia, di mana terdapat banyak industri dan perniagaan yang terjejas terutamanya peniaga kecil yang terpaksa gulung tikar.

Kumpulan AWQAF juga tidak terlepas dengan impak pandemik ini dan turut terkesan di mana pelaburan kumpulan termasuk Sekolah Al-Hamra dan pusat kecerdasan CURVES perlu ditutup operasi secara fizikal. Walaubagaimanapun, pihak pengurusan telah mencari alternatif dengan melaksanakan operasi pendidikan dan kelas senaman secara atas talian (online). Kumpulan AWQAF akan terus berusaha mengembangkan peranan dan menjalankan tanggungjawab untuk kekal relevan di dalam membantu membangunkan ekonomi ummah.

Menerusi Kenyataan Korporat ini, Kumpulan AWQAF sentiasa terbuka dan telus, menyampaikan segala maklumat berkaitan AWQAF dan perkhidmatannya kepada para ahli. Kumpulan AWQAF akan sentiasa melaksanakan keperluan kepada susun atur organisasi yang kukuh dan berstruktur (structure), urus tadbir yang mantap (good governance) dan mengutamakan ketelusan dalam keputusan (transparency).

Ketelusan ini penting bukan sahaja bagi ahli-ahli dan pelabur di dalam projek Kumpulan AWQAF, malahan juga kepada badan seperti Majlis Agama Islam Negeri selaku pihak berautoriti yang mentauliahkan status Mutawalli kepada AWQAF sebagai sebuah institusi Waqaf Korporat, milik umat.

DANA DAN KEAHLIAN AWQAF

Alhamdulillah, sepanjang tahun 2021, penerimaan dana Kumpulan AWQAF terkumpul pada 31 Disember 2021 adalah sebanyak RM12.99 juta, pertambahan sebanyak RM172,172 sepanjang tahun 2021, dengan jumlah penyumbang pewakaf seramai 3,422 iaitu seramai 729 Ahli dan 2,682 penyumbang Asas. Jumlah dana Kumpulan AWQAF dan ahli terkini sehingga 31 Mei 2022 adalah sebanyak RM13.1 juta dengan penyumbang pewakaf seramai 3,410 iaitu 729 Ahli dan 2,693 penyumbang Asas.

Bagi pihak Kumpulan AWQAF, kami bersyukur dan berterima kasih di atas amanah dan kepercayaan yang diberikan terutama oleh ahli-ahli baru dalam menjayakan himpunan dana wakaf tersebut. Sumbangan-sumbangan ini juga disokong dengan strategi media massa dan promosi bagi meningkatkan lagi imej Kumpulan AWQAF di mata masyarakat, seterusnya mendapat kepercayaan serta sokongan orang ramai untuk meneruskan agenda wakaf sebagai agenda nasional. Inisiatif dan aktiviti keilmuan bagi kesedaran Waqaf Korporat sama ada melalui Webinar, media sosial mahupun media utama seperti radio akan terus diusahakan bagi manfaat Ummah secara keseluruhannya.

Pelan bagi meningkatkan hubungan komunikasi antara Kumpulan AWQAF dan para ahli juga telah dilaksanakan secara berperingkat melalui AWQAF media. Laman web portal ahli yang telah dibangunkan melalui awqaf.com.my/mywaqf/, turut memudahkan pengurusan pendaftaran ahli secara atas talian, selain memudahkan semua urusan sumbangan wakaf yuran ahli dan sumbangan wakaf tunai lainnya, termasuk sumbangan kepada Tabung khas ZuriatCARE, EduWAQF dan AWQAF4Health. Satu bentuk komunikasi kemaskini (update) secara berjadual melalui aplikasi Whatsapp juga telah berjalan sebagai sokongan kemaskini komunikasi melalui media sosial Facebook dan lawan sesawang Awqaf.



berakhir 31 Mei 2022

KEDUDUKAN KEWANGAN & PELABURAN TAHUN 2021

Piawaian Perakaunan Dan Kesannya Ke Atas Laporan Kewangan (MFRS)

Penyata Kewangan Kumpulan AWQAF telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan Peruntukan Akta Syarikat 2016. Bagi mematuhi piawaian pelaporan perakaunan MFRS 16 (Pajakan), Kumpulan dan Syarikat telah mengiktiraf aset hak guna (Aset Semasa) dan liabiliti pajakan (Liabiliti Semasa dan Bukan Semasa) pada tarikh permulaan kontrak sewaan bangunan yang digunakan untuk tujuan perniagaan atau pejabat di bawah pengurusan Kumpulan AWQAF. Oleh yang demikian, perbelanjaan-perbelanjaan pajakan yang akan dicatat di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif adalah susut nilai aset hak gunaan dan kos pembiayaan ke atas liabiliti pajakan.

Kewangan Kumpulan AWQAF

Walaupun 2021 adalah tahun yang mencabar, tetapi Kumpulan AWQAF telah mencatatkan pendapatan sebanyak RM2,213,168. Ini menunjukkan peningkatan pendapatan sebanyak 996% berbanding tahun kewangan 2020. Pendapatan pada tahun 2021 disumbangkan daripada aktiviti pengurusan Sekolah Al-Hamra sebanyak RM2,062,917 (93%) dan yuran keahlian pusat kecergasan Curves Bukit Jelutong sebanyak RM126,514 (6%).

Kumpulan AWQAF telah mencatat keuntungan kasar berjumlah RM1,101,804 setelah menolak kos perkhidmatan sebanyak RM1,111,364. Margin keuntungan kasar Kumpulan AWQAF telah meningkat sebanyak 1,911% berbanding tahun kewangan 2020. Peningkatan ini berlaku kerana anak syarikat AWQAF Education Sdn Bhd telah mencatat keuntungan kasar sebanyak RM1,126,915.

Walaubagaimanapun, perbelanjaan-perbelanjaan pajakan telah menyebabkan Kumpulan AWQAF mencatat kurangan tahun 2021 sebanyak RM2,206,966. Hal ini berlaku adalah disebabkan impak MFRS 16 (Pajakan) yang mencatat kos pajakan bagi Kumpulan AWQAF yang berjumlah keseluruhan RM1,640,314 pada tahun 2021.

Sekolah AL-Hamra (AWQAF Education Sdn Bhd)

Pada Januari 2021, di tengah-tengah kemelut pandemik COVID 19 yang menyebabkan banyak institusi-institusi pendidikan mengalami masalah kewangan, AWQAF Holdings Berhad telah mengambil keputusan untuk mengambil alih operasi sebuah sekolah antarabangsa swasta yang terletak di Kota Damansara. Satu inisiatif pelaburan yang penting bagi AWQAF untuk bersama-sama memperkasakan

institusi pendidikan yang menjadi denyut nadi dalam pembangunan tamadun dan generasi akan datang. Bagi mengurus operasi sekolah ini, AWQAF Education Sdn Bhd (AESB) telah ditubuhkan pada 3 Mac 2021. AESB adalah anak syarikat 100% milik AWQAF Holdings Berhad.

Bagi tahun pertama ini, AESB telah mencatat pendapatan sebanyak RM2,063,511 dan keuntungan kasar sebanyak RM1,126,915. Walaubagaimanapun, perbelanjaan-perbelanjaan pajakan telah menyebabkan syarikat mencatat kurangan tahun semasa sebanyak RM1,193,962. Hal ini berlaku adalah disebabkan impak MFRS 16 (Pajakan) yang mencatat kos pajakan bagi AESB yang berjumlah keseluruhan RM1,558,310 pada tahun 2021.

Kumpulan AWQAF berazam dan komited untuk meningkatkan taraf dan potensi institusi pendidikan Islam dari semasa ke semasa, dan kita bertanggungjawab untuk membina generasi pelajar yang bakal menjadi pemimpin akan datang sebagai peneraju ketamadunan Islam yang cemerlang. Justeru antara inisiatif yang bakal dipelopori AWQAF adalah peluang biasiswa pembelajaran kepada golongan pelajar B40 yang berpotensi di sekolah milik AWQAF.



Pusat Kecergasan (Fitness) & Kesejahteraan (Wellness) Wanita CURVES

AWQAF terus meneroka dan membuka francais pusat kecergasan wanita CURVES Malaysia yang kedua di kawasan Setia Alam pada Februari 2022, selepas outlet pertama di Bukit Jelutong. Inisiatif pelaburan ini bukan sahaja dilihat sebagai suatu projek pelaburan Wakaf dalam industri kesihatan dan kecergasan, tetapi ianya juga secara tidak langsung memberi peluang kepada para wanita di Malaysia untuk menjaga kesihatan di satu kemudahan gimnasium yang patuh Syariah, berkonsepkan latihan litar (circuit training), dan paling penting selamat untuk wanita.

Prestasi semasa CURVES Bukit Jelutong dan Setia Alam menunjukkan peningkatan yang baik selepas dibuka semula selepas penutupan outlet secara fizikal selama lebih dari tiga bulan. Dengan operasi

dua outlet ini dan jumlah keahlian sebanyak 216 ahli, jangkaan hasil yang berpotensi dijana oleh Kumpulan AWQAF adalah sehingga RM 500,000 setahun. Kumpulan AWQAF meletakkan sasaran untuk membuka 3 - 4 outlet bagi 2 tahun akan datang. Kumpulan AWQAF membuka peluang kepada korporat dan individu yang berminat bekerjasama dengan AWQAF untuk membuka outlet baru CURVES. Semoga usaha dalam membangunkan perniagaan berkoncepcian pusat kecerdasan wanita ini membuka lebih banyak peluang baru untuk AWQAF terus mengembangkan pelaburan dalam bidang kesihatan & kecerdasan.

PERTUMBUHAN KEWANGAN DAN FOKUS PELAN STRATEGI 5 TAHUN

Kumpulan AWQAF telah memulakan langkah aktif dengan mempelbagaikan sumber pendapatan bagi kelangsungan perniagaan dan kesinambungan aktiviti untuk mencapai objektif organisasi. Bagi memberi impak kewangan yang positif kepada AWQAF untuk lima tahun yang akan datang, barisan Ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan AWQAF akan memberi fokus utama portfolio pelaburan kepada 4 industri penting iaitu harta tanah, kesihatan, pendidikan dan teknologi digital. Semoga usaha ini akan dapat menjana lebih pendapatan kepada AWQAF seterusnya lebih banyak manfaat dapat disalurkan bagi pembangunan ummah.

Di dalam pelaburan kesihatan (Health) dan Kesejahteraan (Wellness), selain dari pelaburan pusat kesihatan CURVES dan mesin medikal Hospital USM, Kumpulan AWQAF telah memulakan aktiviti perkhidmatan Residensi Warga Emas Premier di Jalan Damai, Kuala Lumpur di bawah pengurusan anak syarikat AHB Wellness Sdn Bhd yang baru sahaja didaftarkan pada bulan Jun 2022. Perkhidmatan Residensi Warga Emas Premier ini merupakan satu industri yang berpotensi besar pada masa akan datang, yang mana Malaysia sedang berdepan cabaran Negara Tua 2030. Pelaburan Residensi Warga Emas Premier ini meletakkan sasaran pendapatan sehingga RM1 juta pada tahun pertama beroperasi.

Bagi portfolio pelaburan pendidikan, pihak pengurusan juga telah berjaya dalam usaha penggabungan Sekolah Al-Hamra dan The Sunnah School yang akan menambah tawaran pendidikan melalui silibus Tahfiz. Pihak pengurusan juga berusaha merancang beberapa aktiviti pemasaran dengan lebih strategik sebagai usaha menambah lebih ramai pelajar Al-Hamra yang mempunyai kapasiti bangunan yang boleh menampung jumlah pelajar sehingga 600 orang. Dengan pertambahan jumlah pelajar ini, jangkaan jumlah hasil yang berpotensi dijana pada 2-3 tahun akan datang adalah sekitar RM4 juta hingga 5 juta setahun.

Bergerak ke hadapan, program-program bantuan perniagaan juga telah dibangunkan dengan pelancaran Dana Wakaf Tijarah dengan kerjasama Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM), yang mana telah berjaya mengumpulkan sebanyak RM23,350, setakat Mei 2022. Pihak AWQAF bersetuju untuk memadankan jumlah dana Wakaf Tijarah yang terkumpul ini agar jumlahnya digandakan.

Program Dana Wakaf Tijarah ini boleh dikembangkan kepada konsep 'Waqafpreneur' yang bermatlamat untuk melahirkan usahawan yang mampu mengembangkan perniagaan serta memanfaatkan lebih ramai orang melalui perniagaan yang diusahakan, di mana akhirnya menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi ummah melalui zakat dan wakaf. Ini sekaligus dapat memberi manfaat yang lebih luas kepada ahli DPIM dan AWQAF untuk meneroka peluang perolehan pendapatan yang dapat dikongsi bersama oleh AWQAF dan ahli DPIM. Antara usahawan yang telah mendapat manfaat dari program ini adalah syarikat KAMOSA Sdn Bhd bagi pembelian mesin projek kontrak bersama Indah Water Konsortium (IWK).



Bagi pelan pelaburan berdasarkan teknologi digital, antara usaha Kumpulan AWQAF adalah dengan mengambil peranan sebagai salah satu Ahli Pengasas Pemegang Saham di dalam penubuhan Bank Wakaf Digital (AWQAF Islamic Digital Bank) bersama-sama Halim Mazmin Berhad dan Grup Majalah Karangkraf Sdn Bhd dalam permohonan Lesen Perbankan Digital daripada Bank Negara Malaysia. Walaubagaimanapun, konsortium ini tidak terpilih sebagai salah satu pemegang lesen bank digital tersebut.

Walaubagaimanapun, Kumpulan AWQAF akan terus meneroka industri digital dan sistem perbankan wakaf yang dicadangkan akan membantu mencapai matlamat memupuk kestabilan sistem kewangan dengan adanya institusi wakaf yang menggunakan sumber kewangan bagi pelaburan yang mana pulangan akan memberi manfaat kepada kesejahteraan ummah.

PROGRAM FI-SABILILLAH

Tanpa melupakan tanggungjawab Fardhu Kifayah mengagihkan manfaat hasil pewakafan yang diuruskan, lebih-lebih lagi pada tahun kedua pandemik COVID-19, AWQAF terus menjadi antara organisasi yang menghulur sumbangan kepada mereka yang memerlukan serta membantu komuniti yang diduga dengan bencana di negara ini melalui sumber dana untuk Tabung Khas ZuriatCARE, EduWAQF dan WAQF4Health, sekali gus berpotensi memperluaskan impak program fi sabillah AWQAF untuk manfaat masyarakat. Jumlah agihan manfaat keseluruhan Kumpulan AWQAF bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM263,220.

Yayasan ZuriatCARE

Yayasan Zuriatcare telah mendapat kelulusan penubuhannya oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Udang, Jabatan Perdana Menteri pada Ogos 2020. Di bawah pimpinan pengurusnya iaitu Puan Alia bt. Muhammad Ali, pelbagai program dan aktiviti telah dijalankan dan dipertanggungjawabkan sebagai badan amal fi-sabilillah. Sehingga 31 Disember 2021, jumlah dana keseluruhan sumbangan ZuriatCARE adalah sebanyak RM119,527 (sumbangan awam). Jumlah agihan dana ZuriatCARE yang telah dibuat sepanjang tahun 2021 adalah sebanyak RM26,661.

Selain Program Peluang Kedua, Yayasan Zuriatcare telah mengembangkan lagi capaian mereka kepada masyarakat dengan aktiviti-aktiviti kesedaran lain, seperti menubuhkan program baru dibawah Yayasan iaitu Program Kempen Inklusif Kesedaran Kesihatan dan Penyakit Mental yang diberi nama Camellia (Campaign for Mental Illness Inclusivity and Awareness) dan Advokasi Kesedaran Bunuh Diri, AWAS (Awareness Against Suicide) yang mana kita terpaksa akui semakin serius apabila dikaitkan dengan tekanan sosioekonomi akibat pandemik Covid-19.

Sepanjang tahun 2021, ZuriatCARE telah meneruskan program Projek Bakul Ramadhan, Kempen Darurat Banjir, Kempen Bantuan Kembali ke Sekolah selain Kempen Bantuan Khas COVID-19 : Sumbangan yang terkumpul digunakan bagi membantu ibu hamil, bayi-bayi dan warga Baitus Solehah yang terkesan selepas menjalani kuarantin di hospital akibat Covid-19.

Antara program-program ZuriatCARE sepanjang tahun 2021 adalah bekerjasama dengan Malaysian Against Pornography (MAP) bagi menjalankan Kempen Sentuhan Selamat & Sentuhan Tidak Selamat dengan mencetak buku panduan sentuhan bagi kanak-kanak yang akan dijual dan diedarkan di sekolah-sekolah rendah seluruh negara.

Program program atas talian seperti webinar : Siri Borak Santai Camellia - Kesihatan Mental, Bengkel Kesihatan Mental 101 - anjuran MIASA; Yayasan Zuriatcare selaku penaja utama bagi peserta B40, Kempen #kamibantu, Pelancaran lagu 'HARAPAN' - bersempena dengan Hari Pencegahan Bunuh Diri Sedunia serta Konsert Amal Voices of Hope 2021 - bersempena dengan Hari Kesihatan Mental Sedunia.

PROGRAM EduWAQF & AWQAF4Health

AWQAF melalui Tabung EduWAQF akan terus mengangkat tamadun keilmuan dengan memperkasa pelajar-pelajar dan institusi-institusi pendidikan melalui kelestarian sumber wakaf, selari dengan salah satu matlamat dan tujuan Maqasid Syariah yang telah digariskan oleh Islam iaitu pemeliharaan akal. Sehingga 31 Disember 2021, baki jumlah dana Tabung EduWAQF & AWQAF4Health adalah sebanyak RM33,788.

Jumlah keseluruhan agihan Manfaat Tabung EduWaqf & AWQAF4Health pada tahun 2021 adalah RM236,559. Agihan manfaat ini telah diterima boleh NGO yang berteraskan pendidikan seperti IliBF Infaq Sadaqah Fund (INSAF), Persatuan Bangun Bersama Kuala Lumpur, Persatuan Wanita Universiti Malaysia Sarawak dan Sekolah Al-Hamra. Bagi agihan manfaat kesihatan, Kumpulan AWQAF telah melancarkan Kempen Kit Prihatin B40 COVID-19 yang telah berjaya disampaikan kepada 83 keluarga dan individu penerima manfaat di seluruh negara.



Tidak dilupakan, Kumpulan AWQAF bersama Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) akan melancarkan Buku Biografi Pengasas AWQAF, Allahyarham Tan Sri Muhammad Ali Hashim yang bertajuk Champion of Business Jihad & Corporate Waqaf pada tanggal 27hb Jun 2022. Buku berbahasa Inggeris yang ditulis oleh Professor Rokiah Talib ini, merupakan satu naskhah yang sarat dengan kupasan konsep Jihad Bisnes dan Waqaf Korporat® serta pengurusan organisasi dan perniagaan. Turut terkandung dalam buku ini adalah kisah perjalanan hidup Allahyarham sejak dari kecil sehingga usaha jihadnya melaksanakan agenda Waqaf Korporat, Jihad Bisnes dan pembangunan sosioekonomi demi mengukuhkan kesejahteraan Ummah sejagat.

PENGHARGAAN & PENUTUP

Bagi pihak Lembaga Pengarah, kami merakamkan setinggi penghargaan khas kepada semua ahli-ahli AWQAF di atas keyakinan dan kepercayaan terhadap konsep institusi Waqaf Korporat serta sokongan mereka terhadap Kumpulan AWQAF. Tanpa keyakinan dan kepercayaan ahli-ahli adalah mustahil institusi Waqaf Korporat seperti Kumpulan AWQAF dapat merealisasikan pelaburan dan memperolehi hasil yang dapat disalurkan kembali kepada ummah.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada ahli-ahli lembaga pengarah yang telah banyak berjasa mewaqafkan idea dan keringat khasnya Dr Ridzwan Bakar, Puan Sri Noorzilah Mohammed Ali, Datuk Dr. Mohd Ghazali Md. Noor, Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiyah Engku Ali, Pn. Azizah Abdul Rahman, Puan Rafe'ah Ariffin, Dato' Khairul Shahril Hamzah & yang sudi bersama-sama berjihad dalam memartabatkan agenda Waqaf Korporat dan Kumpulan AWQAF ke peringkat yang lebih tinggi.

Penghargaan juga perlu kami tujukan kepada pihak pengurusan dan warga kerja Kumpulan AWQAF atas dedikasi mereka terhadap usaha mengembangkan agenda Waqaf Korporat yang diketuai oleh Pengarah Eksekutif, En. Abdul Mohsein Mohd Shariff dan dibantu oleh En. Ibrahim Adham Asmail (Ketua Pegawai Operasi), Pn. Khairunnisa Mazlan (Pengurus Kewangan) dan semua wargakerja lain yang amat komited dan berdedikasi.

Sumbangan besar mereka telah memungkinkan Kumpulan AWQAF berjaya mengatasi segala cabaran, halangan dan rintangan, terutama dalam situasi ekonomi yang sangat mencabar kini. Tidak ketinggalan juga, penghargaan kepada pihak setiausaha syarikat Virtu Management House Sdn Bhd yang diketuai oleh Puan Fattiadriati Mohd Tareh dan Puan Fatintafrina Mohd Tareh. Semoga Kumpulan AWQAF akan terus berada di atas landasan yang tepat ke arah pencapaian yang lebih baik, insya Allah.

Akhir sekali, kami berharap Kumpulan AWQAF akan terus memastikan amanah yang diberi dapat dilunas dan dilaksanakan sebaiknya, sekali gus dapat membantu lebih ramai mereka yang memerlukan. Penghargaan kami kepada semua Ahli AWQAF di atas sumbangan, kepercayaan dan amanah yang diberikan dalam memperjuangkan Jihad Bisnes dan agenda Waqaf Korporat. Institusi wakaf ini harus dilihat bukan hanya sebagai pemberi sumbangan semata-mata tetapi dari perspektif sebuah institusi pemacu ekonomi ummah. Kumpulan AWQAF akan memastikan bahawa harta wakaf yang diuruskan dapat menjana hasil dan pendapatan baru dari masa ke semasa. Kami yakin Kumpulan AWQAF dapat merealisasikan perancangan wakaf korporatnya demi menjayakan peranan yang diamanahkan iaitu menjadi antara agen pembangunan sosioekonomi ummah khususnya di Malaysia. Semoga Allah SWT memberkati usaha AWQAF ini.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Bagi pihak Lembaga Pengarah Awqaf Holdings Bhd,



TAN SRI SITI SA'DIAH SHEIKH BAKIR
Pengerusi



MOHAMMAD SAHAR MAT DIN
Timbalan Pengerusi